

## .9 PENUTUP.

Penulis berharap hasil kajian ilmiah ini dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan serta memberi pendedahan tentang rahsia yang terdapat dalam bahasa Arab, walaupun dalam ruang lingkup yang agak kecil jika dibandingkan dengan ilmu yang terdapat dalam bahasa Arab itu sendiri. Selain itu ia juga boleh dijadikan sumber rujukan kepada pelajar dan penuntut.

## **BAB 2. PEMBAHAGIAN – PEMBAHAGIAN KATA**

.0 PENGENALAN.

Di dalam morfologo bahasa Arab, kata nama dikenali sebagai isim. Kata nama mempunyai cabang yang amat luas, berbanding dengan kata kerja dan kata partikel. Dalam bab ini akan dibincangkan beberapa klasifikasi kata nama berdasarkan beberapa faktor yang berbeza antaranya dari sudut jantina, dari sudut kedudukan huruf akhir dan dari sudut bilangan.

## 2.1 PEMBAHAGIAN KATA NAMA DARI SEGI MASKULIN

(المذكر) DAN FEMININ (المؤنث).

Kata nama di dalam bahasa Arab terbahagi kepada dua bahagian iaitu Kata nama Mudhakkār dan Kata nama Mu'annath. Dalam kategori ini, kata nama tersebut boleh dipecahkan kepada haqīqī dan majāzi serta lafzi dan maknawi seperti berikut:- (Muhammad bin 'Abd al-Ghāniy al-Miṣriy: 1989: 143).

i Kata nama Mudhakkār Haqīqī (المذكر الحقيقى)

Ia terdiri daripada Kata nama Mudhakkār bagi manusia dan haiwan, seperti;

غُلَامٌ (budak lelaki) dan شَنْبَرٌ (musang).

ii Kata nama Mu'annath Haqīqī (المؤنث الحقيقى)

Ia merupakan kata nama yang menunjukkan mu'annath bagi manusia dan haiwan, seperti; بَنْتٌ (budak perempuan) dan أَنَانٌ (keldai betina).

iii Kata nama Mudhakkār Majāzi (المذكر المجازي) dan Kata nama Mu'annath

Majāzi (المؤنث المجازي).

Kata nama Mudhakkār Majāzi dan Kata nama Mu'annath Majāzi ialah kata nama yang tidak ada perkataan mufrad daripada jenisnya, contohnya:-

Kata nama Mudhakkār Majāzi ialah:-

كِتَابٌ (buku) و عُشْبٌ (rumput), بَنْتٌ (rumput).

Kata nama Mu'annath Majāzi ialah:-

شمسٌ (matahari), أَرْضٌ (bumi) dan دَارٌ (rumah).

iv Kata nama Mu'annath Lafzi (المؤنث اللفظي) dan Kata nama Mu'annath

Maknawi (المؤنث المعنوي).

Kata nama Mu'annath Lafzi ialah setiap kata nama yang terdapat padanya salah satu daripada tanda ta'nīth iaitu sama ada tā' marbūṭat (الباء المربوطة), alif

maqṣūrat (الألف المدودة) atau alif mamdūdat (الألف المقصورة). Contohnya:-

شَرِى (nama seorang lelaki), ذَكْرِيَاء (nama seorang lelaki) dan طَلْحَة (nama seorang lelaki).

Kata nama Mu'annath Maknawi pula ialah kata nama yang tiada tanda ta'nīth, akan tetapi ia menunjukkan mu'annath, contohnya:-

شَمْسٌ (nama seorang perempuan), سُعَادٌ (nama seorang perempuan), هَنْدٌ (nama seorang perempuan), رِجْلٌ (kaki), رِجْلٌ (matahari) dan رِجْلٌ (kaki).

## 2.2 PEMBAHAGIAN KATA NAMA DARI SEGI KEDUDUKAN HURUF AKHIR.

Pembahagian kata nama dari segi kedudukan huruf akhir boleh di kategorikan sebagaimana berikut:-

- i Isim Ṣahīh Akhir (الاسم الصحيح الآخر).

Ia terdiri daripada kata nama yang huruf akhirnya tidak terdapat huruf vokal ('ilah) dan huruf hamzah, seperti perkataan ; خَالِدٌ (yang rajin) dan مُحْتَدٍ (nama orang).

- ii Isim Maṇqūṣ (الاسم المنقوص).

Ia merupakan kata nama yang diakhiri dengan huruf yā' dan huruf sebelumnya berbaris kasrat, seperti perkataan; القَاضِيٌّ (hakim).

(Muhammad bin Abdul Ghāni al-Miṣriy: 1989: 148).

- iii Isim Maqsūr (الاسم المقصور).

Ia merupakan kata nama yang terdapat huruf alif asal dihujungnya, tetapi ia ditulis dalam bentuk huruf yā' yang tidak mempunyai titik, seperti; مُصطفىٰ dan لَيلَىٰ.

- iv Isim Mamdūd (الاسم الممدود).

Ia terdiri daripada kata nama yang diakhiri dengan huruf hamzah yang didahului dengan huruf alif, seperti perkataan:- صَحْرَاء (padang pasir).

### **2.3 PEMBAHAGIAN KATA NAMA DARI SUDUT BILANGAN.**

Di dalam kaedah bahasa Arab, kata nama dapat diklasifikasikan juga mengikut bilangan. Ianya terbahagi kepada tiga :-

- i. Kata nama Mufrad.
- ii. Kata nama Muthanna.
- iii. Kata nama Jama'.

- i. Kata nama Mufrad.

Ia merupakan kata nama yang menunjukkan bilangan satu , sama ada bagi feminin ataupun maskulin, contoh:-

<u>Kata nama Mufrad.</u>	<u>Makna</u>
غَلَامٌ	seorang budak lelaki
حِصَانٌ	seekor kuda
فَتَاهَةٌ	seorang pemudi
مَائِدَةٌ	satu hidangan

ii. Kata nama Muthanna.

Ia menunjukkan kepada bilangan dua, sama ada bagi maskulin atau feminin.

Untuk menjadikan Kata nama Muthanna, maka hendaklah ditambah huruf alif dan nūn ketika ia dalam keadaan marfū', manakala ketika mansūb dan majrūr ditambah huruf yā' dan nūn, contohnya:-

حضرَ الْهَنْدِسَانِ (telah hadir dua orang jurutera).

-----ketika marfū' (Nominatif).

رَأَيْتُ الْهَنْدِسَيْنِ (saya telah melihat dua orang juruitera).

-----ketika naṣab (Akusatif).

مَرَرْتُ بِالْهَنْدِسَيْنِ (saya telah mengikuti dua orang jurutera).

-----ketika jarr (Genitif).

- iii. Kata nama Jama‘.

Ia menunjukkan keadaan kata nama yang melebihi bilangan dua. Ia boleh dibahagikan kepada tiga kategori:-

- a) Kata nama Jama‘ Mudhakkār Salīm.

Ia terhasil dengan menambah huruf waw dan nūn ke atas Kata nama Mufrad nya semasa dalam keadaan marfū‘, manakala dalam keadaan naṣab dan jarr ditambah huruf yā‘ dan nūn, contoh:-

جاء المعلمون (guru-guru lelaki telah datang).----- ketika marfū‘.

فَلِتَ الْمُعْلِمِينَ (saya telah berjumpa guru-guru lelaki).----- ketika maṣūb

سَافَرْتُ مَعَ الْمُعْلِمِينَ (saya telah berjalan bersama guru-guru).—ketika majrūr.

- b) Kata nama Jama‘ Mu‘annath Salīm.

Ianya terhasil dengan menambah huruf alif dan tā‘ pada Kata nama Mufrad. Kata nama Jama‘ Mu‘annath Salīm marfū‘ dengan ḥammat, manakala maṣūb dan majrūr dengan kasrat, contoh:-

حضرت المعلمات (guru-guru perempuan telah hadir). .... Ketika marfū‘.

رأيت المعلمات (saya telah melihat guru-guru perempuan).... Ketika mansūb.

مررت بالعلمات (saya telah ikut beberapa orang guru perempuan).... Ketika majrūr.

- c) Kata nama Jama' Taksīr.

Ia menunjukkan kepada bilangan lebih daripada dua serta berlakunya perubahan pola daripada Kata nama Mufradnya. Contohnya:-

صُورَ → صُورَة (gambar-gambar)

أشْجَارٌ → شَجَرَة (pokok-pokok).

(Fuād Ni'mat: 1973: juzu'2: 17).

## 2.4 TANDA-TANDA TA'NĪTH . (علامة التأنيث) .

Terdapat tiga tanda ta'nīth yang perlu dikenali antaranya :-

- i) Tā' Marbūṭat (الباء المربوطة).

II) Alif Maqṣūrat (الألف المقصورة).

III) Alif Mamdūdat (الألف الممدودة)

#### 2.4.1 Tā' Marbūṭat (الباء المربوطة).

ia memberi faedah seperti berikut :-

i. Ta'nīth (feminin)

Jika ia terdapat pada Kata Sifat, ia dapat membezakan di antara Kata nama Mudhakkar dan Kata nama Mu'annath, contohnya:-

فَاضِلَةٌ (perempuan yang baik) dan بَارِيْتَةٌ (penjual perempuan).

Sekiranya Kata Sifat hanya khusus untuk perempuan, ia tidak perlu kapada tā' marbūṭat, contohnya:-

مُرْضِعٌ (perempuan yang menyusu), ثَيْبٌ (janda) dan

حَائِضٌ (perempuan yang didatangi haid).

Terdapat lima pola Kata Sifat yang tidak menggunakan tā' marbūṭat, namun ia boleh digunakan untuk Kata nama Mudhakkar dan Kata nama Mu'annath, iaitu:-

- a) فَاعِلْ yang memberi maksud (pembuat), contohnya:-

<u>Perkataan</u>	<u>Makna</u>
امْرَأَةٌ صَبُورٌ	perempuan yang penyabar
امْرَأَةٌ عَجُوزٌ	perempuan yang lemah
امْرَأَةٌ حَنْوَنٌ	perempuan yang penyayang

- b) فَعِيلْ yang memberi maksud مَفْعُولٌ (yang kena buat), contoh:-

امْرَأَةٌ جَرَبَتْ (perempuan yang kena luka) dan

امْرَأَةٌ قُتِلَتْ (perempuan yang kena bunuh).

- c) مِفْعَالٌ contoh; مِقْوَالٌ (orang yang banyak bercakap).

- d) مِفْعِيلٌ contoh; مِعْطَيْرٌ (orang yang suka memakai bau-bauan)

- ii. Mufrad (Tunggal).

Tā' yang menunjukkan bilangan mufrad, iaitu ketika berhubung dengan kata nama jenis semulajadi, seperti :-

(Muhammad bin 'Abd al-Ghāniy al-Miṣriy: 1989: 144).

شَجَرَةٌ (sebatang pokok), نَمْرَةٌ (sebiji buah) dan نَمْرَةً (sebiji buah tamar).

Didatangkan tā' untuk membezakan di antara mufrad dengan Jama'.

iii. Mubalaghah (keterlaluan).

Memberi faedah untuk mubalaghah ketika berhubung dengan Kata Sifat, contohnya:-

أَنْتَ رَأْوٌ وَلَكِنْ أَخَاهُكَ رَأْوِيٌّ

(awak merupakan seorang penyampai, akan tetapi saudara awak lebih pandai menyampaikan).

iv. Menguatkan mubalaghah (تَوْكِيدُ الْمُبَالَغَةِ).

Menguatkan mubalaghah ketika ia masuk pada wazan yang menunjukkan mubalaghah, contohnya:-

هَذَا غُلَامٌ فَهَامٌ وَذَلِكَ غُلَامٌ فَهَامٌ (ini budak yang cukup faham dan itu budak yang terlalu mudah faham).

v. Ganti kepada yā' nisbah atau yā' jama' Taksīr (التِّبَابَةُ عَنْ يَاءِ النِّسْبَةِ أو يَاءِ التَّكْسِيرِ).

Di datangkan tā' sebagai ganti kepada yā' nasab atau yā' jama' Taksīr, contohnya:-

- دَمَاشِيقُونَ (orang-orang Damsyik), ganti kepada yā' nisbah; **جَاهِيجٌ** dan perkataan **حَاجِجَةٌ** (tuan), ganti kepada Kata nama Jama' Taksīr.
- vi. Ganti kepada huruf yang di buang (**الْيَاءُ عَنِ الْحُرُوفِ الْمُذُوْفَةِ**).

Di datangkan tā' sebagai ganti kepada huruf yang di buang, antaranya :-

- a) tā' ganti kepada fā' kata, contoh :-  
(Muhammad bin 'Abd al-Ghāniy al-Miṣriy: 1989: 144).
- عِدَّةٌ (perjanjian) ganti kepada **عِدَّةٌ**
- b) tā' sebagai ganti kepada 'ain kata, contoh :-  
إِقَامَةٌ (mendirikan/menetap) ganti kepada **إِقَامَةٌ**
- c) tā' sebagai ganti kepada lam kata, contoh :-  
**لُغَةٌ** (bahasa) ganti kepada huruf lām yang dibuang, iaitu huruf waw kerana asal perkataan ialah **لَغْوَةٌ**

- d) tā' di datangkan sebagai ganti kepada yā' maṣdar pada kata kerja nāqīṣ (kata kerja yang diakhirnya merupakan huruf 'illat) yang menggunakan wazan فَعْلٌ, تَفْعِيلٌ → **فَعَلَ**, contoh :-

زَكْيٌ → كَيْةٌ زَكْيَةٌ. Asal bagi perkataan tersebut ialah; زَكْيٌ (penyucian).

(Muhammad bin 'Abd al-Ghāniy al-Miṣriy: 1989: 144).

#### 2.4.2 Alif Maqṣūrat (الألف المقصورة).

Antara wazan yang diakhiri dengan alif ta'nīth maqṣūrat ialah:-

(Muhammad bin Abdul Ghāni al-Miṣriy: 1989: 146).

- i. شَعْبٌ, contoh ; شَعْبٌ (nama tempat).
- ii. حَبْلٌ, contoh ; حَبْلٌ (perempuan yang hamil).
- iii. عَلَوَى, contoh ; عَلَوَى (unta yang berjalan cepat)
- iv. حَيَّدَى, contoh; حَيَّدَى (keldai yangn berjalan cepat).
- v. سُهْمٌ, contoh; سُهْمٌ (kesesatan)
- vi. سِبَطَرَى, contoh; سِبَطَرَى (jalan berlagak).

vii. فَعْلَى , contoh; حِجْلَى (sejenis burung).

viii. فَعْلَى , contoh; كُفْرُى (mayang kurma).

ix. فَعَالَى , contoh; خُبَازَى (pembuat roti).

#### 2.4.3 Alif Mamdūdat (الأَلْفُ الْمَمْدُودَةُ).

Antara wazan-wazan alif ta' nīth mamdūdaṭ ialah:-

(Muhammad bin Abdul Ghāni al-Miṣriy: 1989: 147).

i فَعْلَاءٌ , contoh; صَحْرَاءٌ (padang pasir).

ii أَفْعَلَاءٌ , contoh; أَرْبَعَاءٌ (hari Rabu).

iii قُرْفُصَاءٌ , contoh; فُرْقُصَاءٌ (duduk dengan cara lutut ke atas atau bertinggung).

iv فَاعُولَاءٌ , contoh; عَاشُورَاءٌ (Asyura).

v فَاعِلَاءٌ , contoh; فَاصِبَاءٌ (bekas).

vi. كَبِيرَيَاءٌ , contoh; فِعْلَيَاءٌ (kesombongan).

vii حُفَنَاءٌ , contoh; فَعَلَاءٌ (nama tempat).

- viii. فَعِيلَاءٌ , contoh; قَرْيَنَاءٌ (jenis tamar).
- ix. فُعَلَاءٌ , contoh; خُنْسَاءٌ (kelawar).
- x. مَفْعُولَاءٌ , contoh; مَشْيُونَخَاءٌ (orang-orang tua).

## 2.5 PENUTUP.

Dalam bab dua ini, secara umumnya penulis hanya membincangkan kata nama kepada tiga kategori, iaitu kata nama dari sudut jantina, kata nama dari sudut huruf akhir dan kata nama dari sudut bilangan. Kata nama dari sudut jantina dipecahkan kepada dua bahagian iaitu *haqīqī* dan *majāzi* serta *lafzi* dan *maknawi*.

Kata nama dari sudut huruf akhir pula terbahagi kepada tiga bahagian iaitu isim *ṣahīh* akhir, isim *manqūṣ* dan isim *maqṣūr* manakala kata nama dari sudut balangan terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kata nama *mufrad*, kata nama *muthanna* dan kata nama *jama'*.